

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL  
SINGH  
[ BUKIT GELUGOR ]**

**TARIKH : 25 MAC 2015 (RABU)**

**SOALAN :**

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [ Bukit Gelugor ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa Mahkamah Persekutuan yang terdiri daripada lima belas hakim tidak mempunyai mana-mana wakil daripada hakim berketurunan India.

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelantikan hakim-hakim di mahkamah atasan adalah suatu proses yang berterusan berdasarkan keperluan. Selain itu, keanggotaan hakim mengikut bangsa juga perlu dilihat secara keseluruhan meliputi semua peringkat iaitu Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi. Kedudukan keanggotaan hakim di semua peringkat mahkamah tersebut pada 1 Mac 2015 adalah seramai 100 orang. Dari jumlah tersebut, 65 orang berbangsa Melayu, 10 orang Bumiputra Sabah dan Sarawak, 17 orang berbangsa Cina, 7 orang berbangsa India serta seorang lain-lain bangsa.
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemilihan hakim-hakim oleh Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman berdasarkan kriteria pemilihan seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 (Akta 695) seperti berikut:
  - (i) integriti, kompetensi dan pengalaman;
  - (ii) objektif, tidak berat sebelah, adil dan peribadi moral yang baik;
  - (iii) ketegasan, kebolehan membuat penghakiman tepat pada masanya dan kemahiran yang baik dalam penulisan undang-undang;

- (iv) kerajinan dan kebolehan untuk menguruskan kes dengan baik; dan
  - (v) kesihatan fizikal dan mental.
3. Dalam perkara ini, Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman sentiasa memberi perhatian untuk menggalakkan kepelbagaiannya kepakaran dan pengetahuan undang-undang dalam badan kehakiman.

Sekian, terima kasih.